

**NO. SOALAN : 70**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL  
[ PENDANG ]**

**TARIKH : 25 MEI 2016**

**SOALAN :**

**YB. Dato' Wira Othman bin Abdul [ Pendang ] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan apakah produk pelancongan yang paling diminati di Malaysia sekarang dan adakah kementerian mempunyai perancangan khusus untuk membawa lebih ramai pelancong ke negeri Kedah.**

**JAWAPAN :**            **DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2015, seramai 25.7 juta orang pelancong telah melawat Malaysia dengan jumlah pendapatan pelancongan sebanyak RM69.1 bilion. Malaysia menerima jumlah kedatangan pelancong yang ramai setiap tahun kerana negara ini kaya dengan produk-produk pelancongan yang menarik minat para pelancong untuk melawat Malaysia setiap tahun.

Produk-produk pelancongan yang paling menonjol dan menarik minat para pelancong ke Malaysia adalah pakej membeli belah, produk-produk berteraskan ekopelancongan, pulau-pulau dan pantai-pantai, aktiviti sukan dan rekreasi, makanan, taman-taman tema dan kebudayaan.

Kementerian ini telah mengenalpasti beli-belah merupakan produk dan aktiviti pilihan utama para pelancong ke Malaysia. Sepanjang tahun 2015, sebanyak 85.3% daripada jumlah keseluruhan pelancong asing telah membeli-belah di Malaysia dengan sumbangan sebanyak RM21.6 bilion, iaitu 31.3% daripada jumlah keseluruhan pendapatan pelancongan negara yang berjumlah RM69.1 bilion.

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui Tourism Malaysia telah melaksanakan pelbagai perancangan, inisiatif dan promosi untuk membawa masuk lebih ramai pelancong ke negeri Kedah. Antara perancangan dan inisiatif yang dijalankan adalah seperti berikut :-

- (i) Bekerjasama dengan pihak Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) dalam mempromosikan kempen " Jom pi Langkawi" sebagai usaha mempertingkatkan promosi Pulau Langkawi sebagai destinasi percutian utama.

- (ii) Membangunkan pelbagai pakej-pakej kreatif untuk pasaran China, Jepun, Korea dan Taiwan yang berpotensi mempertingkatkan kedatangan pelancong antarabangsa ke negeri Kedah terutama sekali melalui penerbangan carter (chartered flight).
- (iii) Dalam usaha menggalakkan kemasukkan pelancong dari sempadan Malaysia –Thailand, kerjasama bersama Syarikat Intercity Coach telah dijalankan dengan menyediakan perkhidmatan bas ekspres dua kali sehari bagi laluan Alor Setar-Hatyai-Alor Setar yang telah mula beroperasi pada bulan Mac 2016.
- (iv) Menjemput dan menggalakkan penggiat industri dari negeri Kedah untuk menyertai program pameran seperti Malaysia Inbound Travel Association Tourism Fair , Cuti-Cuti 1Malaysia Dekat Je Travel Mart & Travel Fair dan MATTA Fair serta misi-misi jualan di luar negara seperti World Travel Mart (London), Internationale Tourismus-Borse (ITB) Berlin, International Travel Expo (ITE) Viet Nam dan lain-lain lagi.
- (v) Menganjurkan lawatan suai kenal yang melibatkan penyertaan media dan agensi pelancongan terpilih untuk menyaksikan sendiri produk pelancongan yang terdapat di negeri Kedah dan seterusnya mempromosikan produk pelancongan tersebut diperingkat antarabangsa.
- (vi) Menyebarkan maklumat mengenai produk pelancongan negeri Kedah kepada pelancong melalui 44 buah pejabat Tourism Malaysia luar negara serta melalui laman web Tourism Malaysia.
- (vii) Menganjurkan program “ ASEAN Celebrity Explore Quest” yang disertai seramai 30 selebriti dari 10 negara Asean . Peserta diberi pendedahan dan peluang menikmati produk-produk pelancongan di negeri Kedah khususnya Pulau Langkawi yang telah dikongsi bersama dengan para peminat mereka dimedia sosial dengan nilai pulangan “media value” melebihi RM15 juta.

- (viii) Bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Kedah untuk mempromosikan Tahun Melawat Kedah 2016 dengan slogan "Discover Kedah 2016".

Sekian, terima kasih.